

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 MARCH 2017

Hasil lawatan Raja Salman ke Malaysia

Empat manfaat untuk rakyat

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak menyifatkan lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia baru-baru ini merupakan kejayaan bagi kedua-dua negara serta memberi manfaat kepada rakyat dalam empat perkara utama.

Perdana Menteri berkata, empat perkara itu adalah pemberian biasiswa untuk rakyat negara ini, penambahan kuota haji serta dua pusat jemaah haji Malaysia di Mekah dan Madinah, aspek pekerjaan dan pelaburan serta membuka pelbagai jenis peluang untuk perniagaan dan usahawan Malaysia di Arab Saudi.

Beliau turut menyatakan komitmennya selama ini untuk membantu lebih ramai umat Islam di negara ini beroleh peluang mengerjakan haji memandangkan sebahagian mereka terpaksa



Alhamdulillah, berkenaan permohonan saya untuk meningkatkan kuota haji, Raja Salman telah memberikan maklum balas positif dan akan memberi pertimbangan secara mendalam."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

menunggu giliran sehingga 40 tahun untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

"Alhamdulillah, berkenaan permohonan saya untuk meningkatkan kuota haji, Raja Salman telah memberikan maklum balas positif dan akan memberi pertimbangan secara mendalam, selain permohonan untuk membina dua pusat jemaah haji iaitu satu di Mekah berdekatan Mas-

Lawatan Raja Salman cipta era baharu

Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud mengucapkan selamat tinggal kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum berangkat ke Indonesia di Kompleks Bunga Raya UIAM, Semang semalam.

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

jidilharam dan satu lagi di Masjid Nabawi di Madinah," katanya dalam kenyataan menerusi laman *NajibRazak.com* hari ini.

Raja Salman yang juga Penjaga Dua Masjid Suci melakukan lawatan sulung ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V selama empat hari bermula 26 Februari lalu dengan mengadakan mesyuarat dua hala bersama Najib berkaitan hubungan diplomatik dan ekonomi serta dianugerahkan dua Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dari Universiti Malaya (UM) dan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Najib memberitahu, selain itu, kesediaan kerajaan Arab Saudi menambah jumlah biasiswa untuk pelajar Malaysia sehingga tiga kali ganda berbanding hanya 100 orang sebelum ini membuka peluang kepada lebih ramai boleh melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti terkemuka di negara berkenaan.

Perdana Menteri menambah, komitmen pelaburan dari Saudi Aramco berjumlah RM31.08 bilion dalam Projek Pembangunan

Loji Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor akan mewujudkan banyak peluang kepada rakyat seperti pekerjaan di samping pembangunan dalam industri sokongan seperti runcit, kewangan, pembinaan dan perkhidmatan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaburan besar itu telah memberikan perubahan dalam hubungan kedua-dua negara yang sebelum ini hanya berkisar kepada isu berkaitan ibadah umrah dan haji, sekali gus berupaya meningkatkan nilai perdagangan dua berbanding sebanyak RM13.99 bilion tahun lalu.

"Selain itu, terdapat banyak peluang di Arab Saudi bagi industri dan usahawan kita. Sebagai contoh, salah satu sasaran utama negara itu adalah meningkatkan

jangka hayat daripada 74 hingga ke 80 tahun. Ini akan membuka peluang kepada industri kesihatan terutamanya perkhidmatan penjagaan penduduk warga emas," jelasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menyelar tuduhan liar pihak tertentu yang menyebarkan berita negatif berhubung kedudukan ekonomi negara dengan mendakwa negara akan muflis dan kerajaan dikatakan akan menjual negara kepada pihak luar melalui pelaburan asing.

Sebaliknya beliau memberitahu, pelaburan asing telah mewujudkan pekerjaan buat rakyat dan pada masa sama mengekalkan pemilikan dan kedaulatan negara sepenuhnya.

"Kita kini menyasarkan untuk meningkat naik dalam nilai rantaian, termasuk pekerjaan berpendapatan tinggi seperti arkitek, jurutera, akauntan, ahli kimia dan banyak lagi. Pelaburan sebegini daripada luar negara adalah tanda keyakinan yang tinggi terhadap ekonomi kita," katanya.

UM-3/3/2017

